

01 SEP 1997

Mahathir-Myanmar

NEGARA ASEAN MUNGKIN MEMULAUKAN ASEM JIKA MYANMAR DILARANG HADIR

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Asean mungkin memutuskan tidak menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEAM) yang kedua di London pada April tahun depan jika Kesatuan Eropah melarang Myanmar menghadirinya.

"Jika berlaku diskriminasi terhadap Myanmar, ia juga diskriminasi terhadap Asean. Anda mungkin mendapati negara lain dalam asean juga memutuskan untuk tidak menghadirinya," kata beliau.

Setiausaha Luar Britain Robin Cook memberitahu mesyuarat tokoh perniagaan di Singapura awal hari ini bahawa keputusan Eropah utidak memberi visa kepada para pegawai kanan Myanmar menyebabkan penyertaan Yangon pada ASEM sebagai "mustahil".

Cook mengecam kerajaan Myanmar kerana mengaut keuntungan daripada perniagaan dadah dan berkata negara itu tidak akan dibenar menghadiri persidangan kemuncak negara Eropah dan Asia tahun depan.

ASEM ialah forum menggabungkan 15 negara anggota Kesatuan Eropah, Jepun, China, Korea Selatan dan beberapa negara anggota Asean.

Dr Mahathir juga mengulangi pendiriannya tidak mahu berdialog dengan jutawan George Soros yang disifatkan sebagai "penyangak" yang bertanggungjawab bagi kejatuhan nilai ringgit dan mata wang Asean yang lain.

"Saya tidak mahu berdekat dengannya, ia tidak membawa apa-apa faedah.

"Seorang yang mendakwa dirinya sebagai dermawan -- "merompak" wang daripada orang miskin, memberi sedikit kepada orang lain dan menyimpan selebihnya untuk dirinya sendiri -- bukan seorang dermawan. Saya tidak mahu berjumpa dengan orang seperti itu," kata beliau.

Beliau berkata orang miskin di negara ini menjadi bertambah miskin sebanyak 17 peratus akibat kejatuhan ringgit.

Terdahulu, Dr Mahathir mengiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri malis jamuan sempena Persidangan Antarabangsa Persatuan Wanita Rantau Pasifik dan Asia Tenggara (PPSEAWA) di sini malam ini. --

BERNAMA

NI FAZ